

Bela 'si comel' trend terkini orang muda

● MOHD AZREN JAMALUDIN | BERITA HARIAN

BANYAK yang perlu difahami dan dipelajari seseorang sebelum membela *sugar glider* kerana haiwan ini mempunyai sifat yang sangat unik. Ia mudah merajuk dan boleh mati jika tertekan. Ia juga boleh bertindak mencederakan dirinya sendiri jika kesunyian.

Penternak *sugar glider* yang turut memiliki pelbagai haiwan eksotik lain, Affrie Shah Hanipah, 34, berkata jika tahu cara mengendalikan haiwan ini, ia akan menjadi teman paling rapat dan disayangi sesiapa saja.

"Banyak yang orang tidak faham mengenai haiwan unik ini. Ramai yang terus membeli dan ada yang membeli *sugar glider* di bawah umur yang akhirnya tidak hidup lama. Banyak maklumat mengenai haiwan ini boleh diperoleh dalam laman Facebook, Furballz Pet dan di sana kita akan faham apa yang perlu untuk membelanya."

"*Sugar glider* sudah disahkan sebagai haiwan yang selamat dibela. Kajian oleh beberapa pakar veteri-



SUGAR glider variasi Aeoki.

nar juga mengesahkan tidak ada penyakit yang dibawa haiwan ini seperti kencing tikus oleh hamster.

"Haiwan ini juga sebenarnya mampu mendidik emosi pemilik-

nya. Sifatnya yang manja dan suka bermain boleh menenangkan perasaan dan memberi ketenangan. Tidak pelik apabila ada yang bawa haiwan ini ke pejabat kerana ia bo-

leh jadi sumber ketenangan ketika tekanan.

"Ia memerlukan komitmen. *Sugar glider* perlu dijaga pemakanannya. Ada buah yang boleh dan dilarang diberi kepada haiwan ini. Ia tidak perlu dimandikan seperti kucing kerana haiwan ini tidak boleh kesukuan. Ia boleh mati."

"Memahami sifatnya adalah kunci utama. Belajar dulu sebelum membelanya. Saya sendiri mengambil masa bertahun-tahun sebelum membuat keputusan membelanjakan lebih RM50,000 untuk kini memiliki pelbagai variasi *sugar glider*," katanya yang kini memberi perkhidmatan dan jualan haiwan itu di Blok 11, Desa Mentari 3, Taman Datuk Harun, Petaling Jaya.

Affrie turut melihat *sugar glider* sebagai haiwan peliharaan adalah trend terkini terutama dalam kalangan orang muda. Masih ada yang sekadar mengikut trend dan akhirnya selepas jemu dan gagal memberikan komitmen, haiwan itu terbiar atau dijual.